

25/07/2002

Rakyat perlu tingkat kemahiran teknologi maklumat

KUALA LUMPUR, Rabu - Rakyat perlu meningkatkan kemahiran penggunaan komputer bagi memanfaatkan penyенераaian Malaysia sebagai antara pusat komunikasi teknologi maklumat (ICT) antarabangsa oleh Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata penguasaan ICT akan menentukan kemajuan negara pada masa depan yang mendorong kerajaan memulakan pembangunan ICT seawal 1990.

"Penyенераaian UNDP kini menjadikan kita setaraf dengan Lembah Silikon serta Boston di Amerika Syarikat, Stockholm-Kista di Sweden dan Bangalore di India, sekali gus memerlukan kita merapatkan jurang digital sedia ada.

"Seiring itu, kerajaan memperuntukkan RM5.2 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelapan bagi pembangunan sumber manusia dan infrastruktur untuk merencanakan lagi perkembangan ICT negara.

"Bagaimanapun, bagi merapatkan jurang digital, harga komputer serta kos operasi perlu dikekalkan pada paras terendah supaya ia mampu dimiliki semua lapisan masyarakat," katanya ketika pelancaran komputer nasional, Komnas Twenty-20 keluaran DRB-Hicom Information Technologies Sdn Bhd (DH Info Tech), di sini hari ini.

Beliau berkata, bilangan komputer peribadi yang dimiliki penduduk negara meningkat kepada 2.5 juta, satu peningkatan lebih empat kali ganda berbanding 610,000 pada 1995.

Bilangan pelanggan Internet pula meningkat daripada 13,000 kepada 1.2 juta pada tahun 2000.

Bagi meningkatkan penggunaan komputer, Dr Mahathir mencadangkan kepada DRB-Hicom dan DH Info Tech melaksanakan program mengembangkan infrastruktur dan kemudahan ICT ke luar bandar dengan melaksanakan projek perintis di sekolah.

Komputer keluaran anak syarikat DRB-Hicom Berhad itu dipasarkan mulai esok pada harga RM1,899. Bagi mereka yang kurang mampu disediakan skim sewa beli dengan bayaran kurang RM50 sebulan.

Pengerusi Kumpulan DRB-Hicom Berhad, Tan Sri Mohd Saleh Sulong, berkata setakat ini, Bank Simpanan Nasional (BSN) dan EON Bank menyediakan skim pinjaman itu, manakala badan induk koperasi, Angkasa pula sedia menyediakan skim potongan gaji bagi kakitangan kerajaan.